



KERTAS SOALAN PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2006

BUKIT BATOK, TAMPINES I & II, YISHUN, WOODLANDS PT, TECK WHYE
CHOA CHU KANG, MARSILING, JURONG WEST I & II, ADMIRALTY

NAMA : _____

MATA PELAJARAN : **SIRAH**

KBK : **4**

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **7** muka surat.
2. Masa untuk menjawab kertas soalan ini ialah **1** jam.
3. Semua jawapan mesti dibuat dalam kertas soalan yang disediakan.
4. Pastikan segala keterangan diri anda ditulis dengan betul dan sempurna.
5. Jangan buka kertas soalan sehingga diberi arahan oleh pengawas.

MARKAH		
A	20	
B	20	
C	20	
D	20	
	80	
Tanda Tangan Pemeriksa		

Tanda Tangan Waris		

KBK 4 / SIRAH

BAHAGIAN A (20 MARKAH)

Pilih jawapan yang tepat dan isikan di dalam kurungan yang disediakan.

SIRAH

1. Erti bai'at ialah _____.
 - a) sahabat akrab
 - b) perjanjian setia
 - c) barang yang disukai ()

2. Saidina _____ yang telah menggantikan tempat tidur Rasulullah s.a.w ketika Rasulullah ingin berhijrah ke Madinah.
 - a) Uthman bin Affan
 - b) Ali bin Abu Thalib
 - c) Umar bin al-Khattab ()

3. Di Madinah, unta Rasulullah s.a.w telah berhenti di hadapan rumah _____ untuk beliau tinggal.
 - a) Abu Ayub al-Ansari
 - b) Abu Hasan al-Asy'ari
 - c) Abu Mansur al-Maturidi ()

4. Di Madinah, Nabi Muhammad s.a.w telah membina sebuah masjid yang dinamakan Masjid _____.
 - a) Nabawi
 - b) Al-Ansar
 - c) Al-Haram ()

5. Tiga golongan Yahudi yang tinggal di Madinah ialah Bani _____, Bani Qainuqak dan Bani Quraizhah.
 - a) Nazi
 - b) Nadim
 - c) Nadhir ()

AKHLAK

6. Kebiasaan suka _____ adalah perangai yang buruk.
- a) bergaduh
 - b) menolong
 - c) mengemas ()
7. Sifat _____ akan menjauhkan orang dari kita.
- a) kasar
 - b) mulia
 - c) terpuji ()
8. Sifat suka memberikan sesuatu kepada orang lain disebut sebagai _____ hati.
- a) merah
 - b) marah
 - c) murah ()
9. Orang yang bertolak ansur **tidak** suka membalas _____.
- a) budi
 - b) jasa
 - c) dendam ()
10. Sebuah masyarakat yang sudah bersatu padu akan maju dan _____.
- a) kuat
 - b) lemah
 - c) mundur ()

BAHAGIAN B (20 MARKAH)

Tandakan (✓) pada jawapan yang betul dan (×) pada jawapan yang salah.

SIRAH

1. Orang-orang Madinah pernah mendengar tentang Nabi Muhammad s.a.w ()
daripada orang Yahudi.
2. Abu Lahab mencadangkan supaya Nabi Muhammad s.a.w dibunuh. ()
3. Abu Jahal menawarkan 200 ekor unta sebagai hadiah bagi sesiapa yang ()
berjaya menangkap Nabi Muhammad s.a.w.
4. Nabi Muhammad s.a.w dan Saidina Abu Bakar tiba di Madinah pada hari ()
Isnin, 12 Rabiul Awal.
5. Sebelum kedatangan Islam, kaum Aus dan kaum Khazraj sering ()
bermusuhan.

AKHLAK

6. Orang yang suka berbohong, tidak akan dipercayai orang walaupun dia ()
bercakap benar.
7. Bersifat keras akan membuatkan kita disukai. ()
8. Rasulullah digelar as-Sadiq kerana sifatnya yang amanah. ()
9. Sifat bertolak ansur akan memberikan kekayaan hidup. ()
10. Kita harus berbaik sangka kepada orang yang dicurigai. ()

BAHAGIAN C (20 MARKAH)

Isikan tempat kosong dengan perkataan yang sesuai.

syaitan	Aqabah	rezeki	kucar-kacir	berbohong
Mekah	dakwah	baik	beribadah	jahat

SIRAH

1. Rasulullah mengalihkan seruan dakwahnya ke luar kota _____ apabila kaum Quraisy tidak dapat menerima seruannya.
2. Perjanjian taat setia berlaku di suatu tempat bernama _____.
3. Orang-orang Quraisy memikirkan pelbagai cara bagi menghalang _____ baginda.
4. Peranan masjid Nabawi bukan sahaja sebagai tempat _____ namun juga sebagai tempat perbincangan hal ehwal semasa.
5. Jika kaum munafik berleluasa dalam agama kita, agama Islam akan menjadi _____.

AKHLAK

6. Orang yang bergaduh merupakan sahabat _____.
7. Rasulullah tidak pernah _____ walaupun sekali.
8. Bagi insan yang bermurah hati, Allah akan menambahkan _____nya
9. Hubungan sesama manusia akan bertambah _____ jika mereka mengamalkan amalan bersatu padu
10. Orang yang lahirnya baik janganlah kita bersangka _____.

BAHAGIAN D (20 MARKAH)

Pilih 5 soalan sahaja daripada 8 soalan berikut, kemudian jawab di tempat kosong yang telah disediakan

SIRAH

1. Tuliskan dua isi kandungan perjanjian taat setia orang Madinah kepada Nabi Muhammad s.a.w.?

2. Orang Quraisy telah berjaya sampai di Gua Tsaur tetapi tidak berjaya menjejaki Rasulullah kerana bantuan yang diberikan oleh Allah. Nyatakan bantuan tersebut.

3. Sebelum tiba di Madinah, Rasulullah s.a.w dan Saidina Abu Bakar telah singgah di satu tempat. Berikan nama tempat itu dan apakah yang telah dibina oleh Rasulullah s.a.w di sana?

4. Mengapakah perpaduan penting bagi umat Islam?

AKHLAK

5. Apakah hukum orang yang berbohong? Mengapa Islam melarang umatnya berbohong?

6. Apa erti khianat ? Beri satu contoh sifat khianat yang anda tahu.

7. Tuliskan dua akibat sekiranya manusia tidak lagi mempunyai sifat bertolak ansur?

8. Seorang lelaki datang meminta sedekah daripada anda. Beliau kelihatan berpakaian kemas dan masih sihat. Apakah pandangan anda terhadapnya ketika itu dan berikan sebab.
